

30/07/2005

Najib-AP

RAFIDAH DIMINTA BERI PANDANGAN KEPADA KABINET

JOHOR BAHRU, 30 Julai (Bernama) -- Kabinet akan meminta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz memberikan pandangannya berhubung perkara-perkara yang ditimbulkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, mengenai pengeluaran Permit Kelulusan (AP) untuk mengimport kereta.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kabinet ketika ini sedang mengkaji isu tersebut dan mahukan Rafidah memberikan pandangan beliau tentang perkara-perkara yang dinyatakan oleh Dr Mahathir.

"Kabinet sedang mengkaji perkara itu (isu pengeluaran AP) kerana ada kenyataan oleh Tun (Dr Mahathir) dan jawapan balik dari Tun. Sudah tentu kabinet hendak tahu apa pandangan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berhubung hal ini," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Koperasi Negara 2005 yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Mohamed Khaled Nordin di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, hari ini.

Menurut Najib, Rafidah boleh menggunakan mesyuarat mingguan kabinet untuk memberikan pandangannya tentang persoalan yang dikemukakan itu.

Selasa lepas, Dr Mahathir yang juga Penasihat Proton mendakwa bahawa Rafidah tidak membuat kenyataan yang benar kepada para perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir baru-baru ini, berhubung pengeluaran AP.

Menurutnya berbeza daripada matlamat asal pemberian AP yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan bumiputera dalam industri kereta, pemberian AP telah menguntungkan segelintir bumiputera, terutama apabila dua tiga orang yang tidak mempunyai bilik pameran, mendapat beribu-ribu AP.

Sebagai contoh Dr Mahathir berkata, walaupun tidak ada larangan secara rasmi bahawa pegawai yang baru bersara diberi peluang istimewa oleh kerajaan, tetapi umum tertanya-tanya mengapa bekas pegawai kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang tidak memiliki syarat-syarat yang ditetapkan telah diberi beribu-ribu AP.

Sebagai jawapannya, Rafidah telah mengeluarkan senarai penerima AP bagi tahun 2004, atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang ketika itu sedang mengadakan lawatan rasminya ke Afrika Selatan.

Rafidah yang turut mengiringi Perdana Menteri ke Afrika Selatan, sebelum ini sudahpun mengeluarkan senarai penerima AP bagi tahun 2005.

Menurut Najib, kabinet akan terus meneliti perkara mengenai pemberian AP dan bersikap telus, selaras dengan pendirian yang diambil oleh Perdana Menteri yang mahukan semua kelulusan permohonan AP itu didedahkan secara terbuka kepada umum.

"Kita akan terus meneliti perkara ini sebagaimana kehendak Perdana Menteri yang mahukan kerajaan mengambil pendekatan yang telus. Semua kelulusan akan didedahkan secara terbuka. Pendekatan ketelusan amat baik kerana tiada apa yang mahu dilindungi dari umum," katanya.

Timbalan Perdana Menteri itu turut ditanya tentang tindakan lembaga pengarah Proton Holding Bhd menamatkan perkhidmatan Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai ketua pegawai eksekutifnya.

Beliau berkata lembaga pengarah mempunyai kuasa untuk menentukan kepimpinan sesebuah syarikat, mahupun syarikat berkepentingan kerajaan (GLC).

"Prinsip utama pentadbiran mana-mana syarikat termasuk GLC adalah kuasa lembaga pengarah untuk menentukan kepimpinan sesebuah syarikat. Ia (lembaga pengarah) merupakan badan yang seharusnya menentukan kesesuaian sesiapa di dalam pengurusan di dalam syarikat," katanya.

"Jikalau itu (keputusan) telah diambil oleh lembaga pengarah Proton, maka ia adalah bersesuaian dengan prinsip ini," katanya.

Najib berkata selain isu AP, kerajaan juga sedang mengkaji secara mendalam tentang Dasar Permotoran Negara yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Tengku Mahaleel kini sedang bercuti sebelum persaraanya yang akan bermula pada akhir September depan.

Dr Mahathir pada sidang medianya Selasa lepas berkata antara beberapa sebab kontrak Tengku Mahaleel tidak disambung ialah kerana beliau (Tengku Mahaleel) tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang tidak memuaskan yang telah ditawarkan kepadanya untuk terus bersama syarikat itu.

-- BERNAMA

MHI AZH